

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Northern Corridor Research Centre (NCRC)
Sent: Tuesday, 29 August, 2017 4:18 PM
To: UUM - All Staff
Subject: NCRC MENYEDIAKAN PLATFORM KERJASAMA DENGAN NCIA DAN IDR KEPADA SCOE UUM BAGI MENGHASILKAN PROJEK BERIMPAK TINGGI UNTUK PEMBANGUNAN NCER



SELASA, 29 OGOS 2017 | 7 ZULHIJJA 1438H
"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

السَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Dr./Tuan/Puan



NCRC ONLINE : Northern Corridor Research Centre, Universiti Utara Malaysia (NCRC- UUM) telah menganjurkan satu sesi perbincangan dan taklimat pada 21 Ogos 2017. Sesi ini telah berjaya menarik minat pihak U-CoE dan S-CoE UUM untuk hadir. Sesi taklimat dan perbincangan ini adalah bertujuan menyatakan keperluan NCRC berkolaborasi dan berkongsi maklumat dalam membantu setiap U-CoE dan S-CoE di UUM dalam usaha menjalinkan hubungan dan kerjasama dengan agensi pembangunan seperti NCIA dan IDR. Jalinan kerjasama NCRC dengan semua U-CoE dan S-CoE adalah signifikan oleh kerana NCRC sudah mempunyai jalinan kerja bersama IDR dan NCIA yang agak lama dalam merealisasikan agenda pembangunan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER). Melalui kolaborasi di antara semua CoE di UUM, secara keseluruhannya akan dapat menghasilkan program, projek dan penyelidikan yang bersifat *integrated* dan berimpak tinggi.

Sesi ini telah dimulakan dengan taklimat NCER Blueprint 2.0 oleh Felo Penyelidik NCRC, Encik Muhammad Ridhuan Bos Abdullah yang telah terlibat secara langsung dalam penyediaan dokumen Blueprint 2.0 sejak dari mula lagi. NCER Blueprint ini telahpun dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 17 Ogos 2017 di Setia SPICE Convention Centre, Pulau Pinang. Pelaksanaan projek di bawah Blueprint 2.0 ini merangkumi sektor pembuatan, pertanian dan agri-bio dan perkhidmatan. Sektor perkhidmatan pula terdiri daripada tiga subsektor utama iaitu pelancongan, perkhidmatan perniagaan global (GBS) serta logistik dan perhubungan untuk menerajui pertumbuhan KDNK di Koridor Utara.

Tujuh projek berimpak tinggi yang diklasifikasi sebagai nod pertumbuhan juga dikenalpasti menerusi Blueprint 2.0 iaitu Kedah Rubber City dan Kedah Science and Technology Park di Kedah; Greater Kamunting Conurbation dan Manjung-Aman Jaya Maritime City di Perak; Chuping Valley Industrial Area dan Perlis Inland Port di Perlis; serta Batu Kawan Development di Pulau Pinang akan dibangunkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11).

Sesi ini kemudiannya telah diteruskan dengan taklimat oleh Timbalan Pengarah NCRC, Prof. Madya Dr. Norehan Abdullah berkenaan kerjasama NCRC dengan pihak IDR dalam Pangkor Dialogue 2017 yang memberi ruang penganjuran Roundtable Discussion (RTD) yang memberi fokus kepada isu perumahan di NCER dengan membawa tema *Malaysian Affordable Housing : Can We Meet the Demand?* yang akan berlangsung pada 10 September 2017 di Casuarina Hotel @ Meru Ipoh. RTD ini juga merupakan sebahagian daripada *Perak Festival of Ideas (PFoI)* yang telah dilancarkan oleh Menteri Besar Perak sempena Pangkor Dialog 2017 yang akan berlangsung pada 11-12 September 2017 di Ipoh, Perak.

Sekian.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.